

## SH 15/2/2021 MS 29 Beralih arah jual ikan sungai

**TEMPOH** Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 menyebabkan seorang pengusaha nurseri hibrid beralih arah seketika menjadi peraih ikan sungai sebagai sumber pendapatan.

Khaidir Ahmad, 59 dari Kampung Lebak di sini mengambil kesempatan fenomena selepas banjir, pelbagai jenis ikan sungai mudah diperolehi sekitar Sungai Pahang.

Menurutnya, beberapa penduduk kampung sekitar menolak asil tangkapan mereka kepadanya untuk dijual kepada para penggemar ikan sungai.

"Antaranya ikan kerai, mungkus, lais, tenggalan, baung, temoleh ter-

masuk patin buah asli yang berjaya dibawa naik oleh penduduk.

"Ikan patin buah asli antaranya dijual harga RM180 sekilogram dan menjadi tumpuan penggemarnya.

"Dengan PKP 2.0 yang sedang dilaksanakan, saya dan pekerja menggunakan pengalaman sebagai anak kampung membesar di sungai, turut turun ke sungai menangkap ikan untuk dijual," katanya.

Tambahnya, ini kerana sepanjang tempoh PKP 2.0, beliau tidak dapat menjalankan aktiviti perniagaan seperti biasa.

Tambahnya, permintaan terhadap ikan sungai cukup tinggi kerana terdapat penggemarnya terhadap ikan



-ikan terbabit.

Bekas Ketua Pengarang Berita TV3 itu mengakui, pengalaman itu antara yang tidak akan dilupakan sepanjang tempoh PKP 2.0.

